

U 8781 DEB

MAHATHIR-HUTANG

KUALA LUMPUR, 12 APRIL (BERNAMA) -- KERAJAAN SEDANG BERUSAHA MENDAPATKAN PENJADUALAN SENULA HUTANG-HUTANG NEGARA DARIPADA BANK-BANK PENINJAM EKORAN JANGKAAN HASIL PENDAPATAN NEGARA YANG LEBIH RENDAH PADA TAHUN 1987, PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI.

KETIKA MERASHIKAN SIMPOSIUM KEDUA BUMIPUTERA DAN EKONOMI NEGARA DI SINI, BELIAU BERKATA KEJATUHAN HARGA BAHAN-BAHAN MENTAH SEBANYAK DUA PERTIGA PARAS SEBELUMNYA MENYEBABKAN MUSTAHIL KERAJAAN DAPAT MENGUTIP JUMLAH CUKAI YANG SAMA.

KESAN KEJATUHAN HARGA YANG MENJEJASKAN KUTIPAN CUKAI KERAJAAN AKAN DIRASAI TAHUN DEPAN KERANA CUKAI TAHUN INI HANYA AKAN DIKUTIP TAHUN 1987.

MALAH, KERAJAAN KHUATIR AKAN JUMLAH PENDAPATAN NEGARA TAHUN 1987, TAMBAHNYA.

KEADAAN INI BERTAMBAH BURUK DENGAN KEMEROSOTAN 40 PERATUS NILAI RINGGIT BERBANDING DENGAN YEN SERTA MATA WANG LAIN. -- LAGI.
1422MST 12 04 86

U 8782 DEB

MAHATHIR-HUTANG 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA CAMPUR TANGAN KERAJAAN DALAM PASARAN PERTUKARAN MATA WANG ASING ITU PERLU KERANA MEMANDANGKAN PENURUNAN NILAI RINGGIT MEMBERI KESAN BURUK KEPADA PINJAMAN KERAJAAN DARIPADA LUAR NEGERI.

KERAJAAN JUGA BERBUAT DEMIKIAN KERANA MERASAI BAHAWA TIDAK ADA SEBAB NILAI MATA WANG RINGGIT MESTI MEROSOT HANYA KERANA KHABAR-KHABAR ANGIN, KATANYA.

OLEH KERANA NILAI MATA WANG YEN MENINGKAT 40 PERATUS MAKA KERAJAAN TERPAKSA Mencari lebih banyak ringgit untuk membayar jumlah hutang yang sama, KATANYA.

DALAM KEADAAN EKONOMI YANG MEROSOT SEKARANG, SUDAH TENTU SUKAR BAGI KERAJAAN MENDAPATKAN PENAMBAHAN HASIL, YANG BUKANNYA MENINGKAT TETAPI SEBALIKNYA MEROSOT SEKARANG, KATA PERDANA MENTERI.

MENGENAI GAJI KAKITANGAN KERAJAAN, BELIAU BERKATA +AMAT SUKAR JUGA BAGI SESIAPA PUN MEMPERSOALKAN KEMAMPUAN KERAJAAN HENDAK MEMBAYAR GAJI BIASA BAGI KAKITANGANNYA YANG BERJUMLAH 860,000 ORANG.+

-- LAGI

1424MST 12 04 86

U 8790 DEB

MAHATHIR-HUTANG 3 KUALA LUMPUR

BELIAU MEMBERI AMARAN BAHAWA KALAU PRODUKTIVITI TIDAK DIPERTINGKATKAN KEMUNGKINAN INI MENJADI KENYATAAN.

+ SEPERTI PARA PENIAGA BUMIPUTERA, KERAJAAN JUGA BERUSAHA MEMINTA BANK-BANK SUPAYA JANGAN TERLALU MENDESAK DALAM KEADAAN SEKARANG INI DAN MENJADUALKAN SEMULA HUTANG NEGARA,+ KATANYA.

KETIKA MERUJUKI MASALAH PINJAMAN BANK PARA PENIAGA BUMIPUTERA, BELIAU BERKATA KERAJAAN MASIH MEMUJUK BANK-BANK SUPAYA JANGAN TERLALU MENEKAN PARA PENIAGA TERUTAMA BUMIPUTERA.

BAGAIMANAPUN, SEMUA KAUM TERLIBAT DALAM MASALAH KEMELESETAN EKONOMI NEGARA YANG BERLAKU KINI DAN INI TERMASUKLAH BANK-BANK DAN KERAJAAN SENDIRI, KATANYA.

BELIAU BERKATA KALAU BERDASAR PENGALAMAN ADALAH AGAK MUDAH HENDAK MEMBUAT ANALISIS BERHUBUNG DENGAN SEBAB-SEBAB BAGI KEADAAN SEKARANG INI TETAPI KERAJAAN TELAH BERKALI-KALI MENASIHATKAN SUPAYA JANGAN BERTUMPU HANYA KEPADA BIDANG HARTANAH SERTA MENEGUR TINDAKAN SETENGAH-SETENGAH PIHAK MENGGUNAKAN PENYENARAIAH SAHAM HANYA UNTUK MENDAPATKAN WANG YANG BANYAK DAN BUKAN UNTUK TUJUAN PERNIAGAAN. -- LAGI.

1445MST 12 04 86

D597

U 8791 DEB

MAHATHIR-HUTANG 4 KUALA LUMPUR

BELIAU MENGAKUI BAHAWA ARAHAN KEPADA BANK-BANK SUPAYA MEMBERIKAN PINJAMAN BERASASKAN CAGARAN SAHAM SATU KESILAPAN YANG BERPUNCA DARIPADA SALAH ANGGAPAN KERAJAAN.

WALAUPUN BUMIPUTERA MENDAPATKAN SAHAM-SAHAM PADA HARGA YANG MURAH DARIPADA PENYUSUNAN SEMULA EKUITI SYARIKAT TETAPI DENGAN MEROSOTNYA NILAI SAHAM DI PASARAN DI BAWAH HARGA PEMBELIAN, SUKARLAH BAGI PARA PENIAGA INI UNTUK MENAMBAH NILAI CAGARAN MEREKA, KATA BELIAU. -- BERNAMA.

1446MST 12 04 86